

21/03/2004

Abdullah mohon mandat rakyat bawa negara melangkah ke hadapan

Kalimullah Hassan

TIDAK lama selepas menjadi Perdana Menteri pada Oktober tahun lalu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno. Satu daripada topik yang dibangkitkan ialah pilihan raya umum.

Beberapa ahli MT memberi pandangan, menggesa supaya pilihan raya umum diadakan selewat-lewatnya April 2004, seiring pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah pada 12 April.

Pelbagai alasan diutarakan. Ada yang mahukan pilihan raya umum serentak dengan Sabah untuk mengelak dua kempen berasingan, menjimatkan belanja atau membolehkan Barisan Nasional (BN) memiliki kelebihan kerana parti pembangkang tidak berupaya menjelajah ke seluruh negara.

Ada juga yang berpendapat, kedudukan ekonomi semakin teguh manakala sokongan rakyat juga kian meningkat berbanding 1999 apabila Umno kehilangan banyak undi Melayu berikutan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim. Mereka berkata, suku pertama 2004 atau sejurus selepasnya adalah masa terbaik kerana Abdullah sudah selesa menyandang jawatannya ketika itu.

Abdullah mendengar, tetapi tidak menjanjikan apa-apa.

Dalam pemikirannya, Abdullah dapat melihat kewajaran di sebalik semua alasan yang diberi. Bagaimanapun, beliau berasa pengundi berhak diberitahu mengenai agenda pentadbirannya sebelum memohon mandat sebagai pemimpin baru Malaysia.

Hanya dengan cara itu Abdullah boleh mengatakan beliau mempunyai sokongan rakyat terhadap segala yang dihasratkan untuk negara. Hanya dengan kepercayaan rakyat, Abdullah berupaya melaksanakan segala perancangannya.

Sejak awal, Abdullah memberitahu mereka di sekelilingnya yang beliau tidak berhasrat untuk mengubah polisi peninggalan Tun Dr Mahathir Mohamad selaku pemimpin terdahulu, semata-mata untuk menampakkan perubahan.

Dari detik Dr Mahathir mengumumkan akan bersara iaitu - 22 Jun 2002 - Abdullah menegaskan polisi yang baik akan dikekalkan kerana ia banyak memanfaatkan negara dan rakyat.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan tumpuannya akan berpusat terhadap tenaga penggerak negara - mengubah cara pemikiran, meningkatkan kecekapan, mengurangkan kerenah birokrasi dan paling utama, membanteras rasuah yang disifatkannya sebagai akar segala kejahatan, sekali gus menyumbang ke arah ketidakcekapan serta halangan birokrasi.

Jika Abdullah berupaya mengurang atau membanteras rasuah di sektor awam dan swasta, ia dengan sendirinya akan menurunkan kos perniagaan secara drastik, meningkatkan kecekapan, memastikan pelaksanaan projek dengan lebih cepat dan akhirnya, menguntungkan rakyat Malaysia.

Bertolak dari situ, beliau mengeluarkan pelbagai pengumuman dan arahan. Abdullah melawat jabatan kerajaan yang berurusan dengan orang ramai seperti Imigresen, mengarahkan Menteri Besar dan Ketua Menteri supaya memperbaiki keadaan di pejabat tanah serta menubuhkan Suruhanjaya Khas Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia.

Abdullah turut menangguhkan projek landasan berkembar bernilai RM14 bilion sebagai langkah mengelak defisit dalam belanjawan, di samping mengarahkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) bertindak terhadap kakitangan kerajaan dan swasta jika mempunyai bukti mencukupi.

Dalam tempoh tiga bulan pertamanya sebagai Perdana Menteri, tumpuan Abdullah berpusat terhadap isu yang menjadi perhatian di Malaysia - negara yang mengecap pelbagai kemajuan ketika era pemerintahan Dr Mahathir.

Tindakan Abdullah itu mematikan langkah parti pembangkang yang nyata semakin letih menjaja isu Anwar dan mengalih tumpuan terhadap masalah rasuah, kerenah birokrasi, penyalahgunaan kuasa dan ketidakcekapan.

Dengan agenda sudah dinyatakan, sokongan padu menteri dan rakyat, Abdullah membuat keputusan masanya sudah tiba untuk mencari mandat yang diperlukan.

Segala idea dan isu yang dikemukakannya bukanlah wawasan yang diperoleh semalaman sebaik menjadi Perdana Menteri.

Pembantu Abdullah seperti bekas Setiausaha Akhbarnya, Datuk Kamarulzaman Zainal dan rakan rapat seperti Datuk Mohamed Abid, menyimpan pelbagai kisah berkaitan perwatakan pemimpin yang digelar 'Mr Clean' itu.

Pada Februari 1999, kurang sebulan selepas menjadi Timbalan Perdana Menteri, Abdullah diberi tanggungjawab mengetuai kempen pilihan raya negeri Sabah.

Kamarulzaman masih mengingati pertemuan Abdullah dengan wartawan kanan Sabah. Pada sidang media itu, Abdullah ditanya mengenai wawasannya untuk negara.

Jawapannya pada waktu itu tidak berbeza dengan apa yang dinyatakan empat tahun berikutnya. Tegasnya, beliau dan Dr Mahathir berkongsi harapan mahu melihat Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020.

Abdullah kemudian ditanya sama ada sebagai pemimpin kedua terpenting negara, beliau mempunyai hasrat peribadi yang mungkin mahu diperjuangkan.

Beliau menjawab: "Saya ingin melihat perkhidmatan awam yang bebas daripada rasuah dan cekap. Saya mahukan sektor kerajaan yang bersih. Jika kita mampu mencapainya, negara akan membangun pada kadar yang lebih pantas."

Kamarulzaman juga tidak dapat melupakan detik hitam politik wang berleluasa dalam Umno pada 1993, iaitu ketika Abdullah berjuang mengekalkan kedudukannya sebagai Naib Presiden Umno.

"Seorang ketua bahagian dari Sabah menghubunginya dan menyatakan sokongan terhadap Abdullah. Sebagai balasan, pemimpin itu meminta RM100,000 untuk diberi kepada penyokong. Pak Lah berkata, kalau pun beliau mempunyai wang sebanyak itu, beliau tidak akan memberinya."

Menurut Kamarulzaman, Abdullah memberitahu pemanggil itu: "Saya tidak boleh memberi duit. Saya hanya boleh menyumbang tenaga, buah fikiran dan perkhidmatan untuk Umno dan negara."

Abdullah tewas tipis pada pemilihan itu tetapi selepas Dr Mahathir menyekat politik wang pada tahun berikutnya, Abdullah memenangi semula kerusi Naib Presiden pada 1996.

Rakannya Mohamed, berkata tidak ramai yang mengetahui Perdana Menteri tidak mempunyai rumah sendiri. Sebagai kakitangan kerajaan dan kemudian menjadi menteri selama 23 tahun hingga 1987, Abdullah pernah mempunyai dua kediaman iaitu di Titiwangsa dan Bangsar.

Bagaimanapun, selepas digugurkan daripada Kabinet pada 1987 kerana menentang Dr Mahathir dalam perebutan kuasa parti, Abdullah 'menganggur' selama hampir empat tahun. Beliau terpaksa menjual kedua-dua rumahnya untuk menyara keluarga dan kegiatan politiknya.

Detik itu, kata Mohamed, adalah tempoh paling sepi dalam hidup Abdullah. Tanpa sumber pendapatan, beliau cuma bergantung kepada sokongan beberapa teman rapat seperti rakan sekelas yang juga setiausaha politiknya, Allahyarham Datuk Abdul Fatah Abdullah, serta Kamarulzaman yang banyak membantu.

Mohamed yang sudah 30 tahun menjadi kawan rapat Abdullah berkata: "Tidak ada yang buruk mengenai Abdullah. Itulah sebabnya mengapa beliau memiliki keyakinan apabila memperkatakan soal penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Sebagai rakan, beliau masih orang yang sama. Beliau dan Endon (Datin Seri Endon Mahmood) masih saling menyayangi dan rapat seperti dulu. Abdullah

masih Abdullah yang saya kenali dulu. Itulah keistimewaannya.

"Kalaulah Haji Fatah masih hidup dan dapat melihat pencapaian rakannya itu sekarang," kata Mohamed. Fatah, yang menjadi setiausaha politik Abdullah selama beberapa tahun, meninggal dunia beberapa bulan selepas Abdullah menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Dibesarkan dalam keluarga berketurunan ulama, Abdullah mula mengemas kini perancangannya sebagai Perdana Menteri selepas Dr Mahathir mengumumkan akan bersara pada Oktober 2003.

Kediaman Abdullah menjadi tempat berkumpul pembantunya hingga larut malam, termasuk penasihat Dr Mahathir seperti Datuk Johari Baharom dan golongan cendekiawan serta pakar ekonomi, bagi mendapat pandangan mengenai cara terbaik menangani pelbagai permasalahan rakyat.

Pelbagai cadangan dikemukakan, dibentuk dan diolah. Abdullah menegaskan matlamat utamanya ialah berkhidmat kepada rakyat dan kumpulan terbabit bertanggungjawab mengambil pandangan beliau serta merangka langkah perlu bagi membawa negara melangkah ke hadapan.

Pertemuan dan perbincangan sedemikianlah yang akhirnya membentuk kerangka laluan masa depan negara.

Abdullah sudah menggariskan perancangannya sejak empat bulan lalu. Sambutan yang diterima juga amat menggalakkan.

Hari ini, 21 Mac 2004, beliau memohon mandat untuk melaksanakan segala-galanya.